

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 04 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan data bagi pelaksanaan projek pembangunan bagi kawasan Parlimen Lubok Antu bagi tahun 2020. Bagaimana projek ini disalurkan? Adakah ianya disalurkan sama ada melalui agensi di bawah Kerajaan pusat atau Kerajaan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sejumlah **RM201.94 juta** peruntukan pembangunan telah disalurkan dalam tahun **2020** bagi membiayai **122 program/ projek** di kawasan Parlimen Lubuk Antu.

Program/ projek yang telah disalurkan kepada agensi negeri dalam tahun 2020 adalah merangkumi lapan **(8) Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD)** dengan peruntukan sebanyak **RM3.55 juta**, satu **(1) Projek Jalan Luar Bandar (JALB)** dengan peruntukan sebanyak **RM187.5 juta**, dua **(2) Projek Ameniti Sosial (PAMS)** dengan peruntukan sebanyak **RM0.04 juta**. **107** projek di bawah **Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT)** dengan peruntukan sebanyak **RM2.37 juta**.

Satu **(1) Projek Pembinaan Kilang Rawatan Sisa Sawit** di bawah seliaan **SALCRA** dengan peruntukan sebanyak **RM6.42 juta**, satu **(1) Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET)** dibawah **Jabatan Pertanian Sarawak (JPS)** dengan peruntukan sebanyak **RM0.67 juta**, satu **(1) Projek Tanaman Semula Sawit** di bawah seliaan **SALCRA** dengan peruntukan sebanyak **RM1.38 juta** dan satu **(1) Pembangunan Kawasan Tanam Semula Getah** di bawah seliaan **RISDA** dengan peruntukan sebanyak **RM0.02 juta**.